

TechRural medan reka cipta

BATU PAHAT: Kementrian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan Ekspo Teknologi Inovasi Desa 2012 (TechRural) selama tiga hari berakhir semalam.

Timbalan Menteri, Datuk Hasan Malek berkata, TechRural kali pertama itu diadakan di UTHM bertujuan memberi pendedahan kepada penyelidik, pereka cipta dan pengusaha untuk mempamerkan produk keluaran mereka.

Menurutnya, kerjasama dengan UTHM menerusi TechRural 2012 itu membabitkan pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini selain pelbagai penyelidikan dapat dilaksanakan.

“Dengan sasaran mewujudkan Desa Berkualiti pada 2016 nanti, penyelidikan membabitkan institusi pengajian tinggi (IPT) perlu dilakukan terhadap industri desa, kecil dan sederhana supaya pembangunan masyarakat desa berjalan lancar.

“Selain penyelidikan, masyarakat desa perlu memajukan diri dengan menyertai



CANGGIH...Hasan (kiri) dan Dalimin (kanan) melihat mesin pembakar sate ciptaan Abdul Rahim Mat Tahim (bersongkok) di UTHM, semalam.

beberapa program seperti latihan bimbingan usahawan, pemasaran dan promosi.

“Hasil gabungan penyelidikan ini, kami yakin produk luar bandar mampu menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa,” katanya selepas merasmikan TechRural 2012 di Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM, kelmarin.

Turut hadir Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Noh

Dalimin.

Hasan berkata, perkembangan inovasi teknologi desa perlu disertakan dengan tema menitikberatkan teknologi hijau dan alam sekitar.

Katanya, sejajar Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan, pelbagai bidang perlu dirangka sebaik mungkin dan sektor yang boleh dilihat berpotensi termasuk berasaskan pertanian, makanan, pembuatan dan penghasilan.

“Saya berharap pihak terbabit mempersiapkan diri dan membuka minda, mempunyai nilai kreatif, penyelidikan serta membuat kertas kerja untuk memajukan sektor diceburi.

“Saya memuji kesungguhan UTHM membantu pembangunan industri masyarakat desa melalui kajian Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP),” katanya.